
MEDIA RELEASE

29 FEBRUARI 2020
UNTUK SIARAN SEGERA

THE MALAYSIAN YOUTH @ SAFER INTERNET DAY 2020 **(MY@SID)**

PETALING JAYA (29 FEBRUARI 2020) - The Malaysian Youth @ Safer Internet Day 2020 (MY@SID) adalah inisiatif yang diterajui generasi muda di mana 100 belia terpilih di seluruh Malaysia berkumpul untuk membincangkan perkembangan terkini, isu-isu, serta cabaran yang berkaitan dengan Internet, sambil menggalakkan golongan belia Malaysia untuk menjadi barisan pemimpin Internet yang fasih digital, mengekalkan kebersihan dalam talian yang baik dan mampu menyumbang kepada komuniti mereka.

MY@SID dianjurkan oleh inisiatif belia Internet Society Malaysia Chapter dan Persatuan Undang-Undang Universiti Malaya, dengan kerjasama CyberSecurity Malaysia yang merupakan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Program ini turut disokong oleh organisasi seperti Google, Vanguard4Change, Monsters Among Us, dan Health Diplomacy.

MY@SID diadakan di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya pada 29hb Februari 2020, dan dirasmikan oleh Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Bersara), Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia.

Hasil daripada acara ini termasuk terbitan sebuah Dokumen Sintesis MY@SID, yang merupakan dokumen kerjasama yang terdiri daripada input dan maklum balas para peserta. Dokumen ini akan diterbitkan dan disebarkan kepada pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, pembuat dasar, ahli akademik, organisasi masyarakat sivil, sektor swasta dan komuniti teknikal untuk manfaat komuniti digital Malaysia. Apabila program ini selesai, peserta belia akan diiktiraf sebagai Duta Belia Kebangsaan bagi Hari Keselamatan Internet 2020.

Dalam ucapan General Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Bersara), beliau memuji usaha belia seperti MY@SID, dan memberi komen bahawa usaha ini mesti diteruskan memandangkan negara memerlukan pemimpin muda yang dapat memacu inovasi. "CyberSecurity Malaysia akan terus menyokong aktiviti dan inisiatif oleh belia yang membolehkan pertukaran maklumat dan pengetahuan, mengenai isu-isu Internet yang penting dalam kalangan belia di Malaysia," katanya.



Gambar 1 : General Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Bersara) sedang memberikan ucapan perasmian.

Sementara itu, Presiden Internet Society Malaysia Chapter, Suwannit Chareen Chit, menyatakan beliau berharap dapat membolehkan belia Malaysia menyebarkan idea mereka di seluruh ekosistem Internet dan meluaskan pengalaman mereka supaya mereka lebih terlibat dalam perbincangan penting berkaitan dengan Internet.



Gambar 2 : Sesi bergambar bersama General Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Retired), Internet Society Malaysia Chapter, CyberSecurity Malaysia and University of Malaya Law Society selepas sesi "Town Hall Session" bersama Tan Sri.

Sambutan peringkat kebangsaan 'Safer Internet Day 2020' telah dirasmikan oleh Mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail semasa pelancaran kebangsaan pada 11 Februari 2020 di Putrajaya dengan tema 'Digital Fluency' atau 'Fasih Digital'. Sambutan tersebut diterajui oleh CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama beberapa rakan strategik. Sepanjang kempen SID, pelbagai aktiviti dan program dijalankan untuk menggalakkan dan mengekalkan persekitaran dan infrastruktur Internet yang lebih selamat sambil memupuk dan meningkatkan pemahaman orang ramai terhadap pelbagai isu dan topik berkaitan Internet

TAMAT

Dikeluarkan oleh Internet Society Malaysia Chapter.
Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi +60195741747 (Anis)